

Headline	Dokumentasi terperinci sedang dikemas kini, jadikan FRIM Tapak Warisan UNESCO		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	08 Apr 2016	Color	Black/white
Section	Supplement	Circulation	45,554
Page No	A2	Readership	136,662
Language	Malay	ArticleSize	115 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 373
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,119



Dokumentasi terperinci sedang dikemas kini, jadikan FRIM Tapak Warisan UNESCO

KERAJAAN sedang mengemas kini dokumentasi terperinci untuk menjadikan hutan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia(FRIM) sebagai Tapak Warisan UNESCO - Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Ketua Pengarah FRIM Datuk Dr Abd Latif Mohmod berkata, dokumentasi itu disediakan sejak 2009 dalam usaha mendapatkan pengiktirafan sebagai Hutan Buatan Manusia Tertua Terbesar dan Hutan Buatan Kreativiti Manusia, selewat-lewatnya pada tahun 2020.

"Setakat ini FRIM sudah bersedia dengan dokumentasi terperinci yang kita lakukan sejak 2009 selain daripada

faktor hubungan komuniti, masyarakat dan antarabangsa yang menyumbang kepada penilaian oleh UNESCO," katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Hari Hutan Antarabangsa peringkat FRIM anjuran bersama Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Beliau berkata, FRIM akan melantik konsultan bagi meneliti dengan lebih terperinci dokumentasi berkenaan pada Jun ini.

Katanya pengiktirafan itu penting bagi memastikan hutan FRIM terpelihara daripada sebarang ancaman.

"Walaupun FRIM tidak besar tetapi hutan ini menyimpan 71 daripada 92 pokok hampir pupus di Malaysia," katanya. — Bernama